



Banjir kilat di Jalan Tasik Permaisuri 3, Cheras. [FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

20 kenderaan terperangkap

Kuala Lumpur: Kira-kira 20 kenderaan terperangkap dalam banjir kilat setinggi hampir setengah meter yang berlaku di Jalan Tasik Permaisuri 3, Cheras, di sini, susulan hujan lebat yang melanda kawasan itu, petang semalam.

Hujan lebat hampir sejam bermula kira-kira jam 3.30 petang itu turut menyebabkan kesesakan teruk di laluan terbabit selain menjejaskan kelancaran trafik di

kawasan sekitar.

Cuba alih kenderaan

Susulan itu, beberapa pemilik kenderaan iaitu penghuni di kawasan rumah pangsa berhampiran dilihat cuba mengalihkan kenderaan masing-masing ke tempat lebih selamat. Banjir kilat itu mula surut sejurus hujan lebat berhenti kira-kira jam 4.30 petang.